

18/10/1997

Umno anjur seminar di PWTC 20 Oktober

KUALA LUMPUR, Jumaat - Jabatan Penerangan Umno Malaysia akan menganjurkan Seminar Dasar-Dasar Negara pada 20 Oktober ini di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) bagi memberi penerangan mengenai pelbagai isu semasa kepada semua pemimpin Umno bahagian.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menyampaikan amanat serta mengadakan dialog pada majlis berkenaan.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Umno di sini hari ini, seminar berkenaan akan dihadiri oleh Ahli Majlis Tertinggi Umno, ketua agensi kerajaan dan pemimpin Umno peringkat bahagian.

Kenyataan ini membetulkan laporan akhbar semalam, yang memetik Ketua Penerangan Umno, Datuk Dr Yusof Noor, sebagai berkata seminar berkenaan akan diadakan pada 23 Oktober ini.

(END)